



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku Bahtera Penyelamat (Syarah Safinah An-Najah)**

Pada bulan Januari 2016, PTS Media Group akan menerbitkan sebuah lagi karya terjemahan dan syarahan daripada Datuk Dr. Mohamad Zulkifli Al-Bakri, iaitu Bahtera Penyelamat (Syarah Safinah An-Najah). Sebelum ini, hasil karya beliau dengan PTS adalah *Demi Masa*, *Hebatnya Kuasa Hafazan*, dan *Kuasa Iqra'*. Nama beliau tidak asing lagi dalam bidang agama. Kini, beliau adalah Mufti Wilayah Persekutuan. Seorang yang aktif menulis buku, sehingga kini beliau mempunyai 142 buah buku dan karya terjemahan dalam bahasa Melayu. Di samping itu, beliau pernah dinobatkan sebagai Tokoh Maulidurrasul 1433H di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Buku ini mempersembahkan huraian sebuah kitab ringkas berkenaan dasar-dasar asas ilmu fiqh berdasarkan panduan Mazhab Syafi'i. Seiring dengan kesedaran agama sosial semasa, buku ini begitu padat dan mudah. Ia secara langsung membincangkan kesimpulan hukum fiqh tanpa menyertakan dalil dan dasar penetapan hukum dengan begitu panjang lebar dan memberatkan. Disebabkan itu, ia begitu sesuai untuk rujukan pantas dan segera para pelajar dan orang-orang yang baru ingin mengenali Islam. Buku ringkas ini mencakupi panduan lengkap dan kukuh.

Buku ini terbahagi kepada 5 bahagian dan mempunyai 60 Fasal, bermula dengan bahagian akidah, taharah (bersuci), solat, pengurusan jenazah, dan zakat. Ia dihasilkan daripada talaqqi pelajar-pelajar Pondok Moden Al-Abaqirah yang disampaikan oleh seorang sahabat daripada Yaman. Sebuah karya yang begitu ringkas, berkesan, pantas, dan mudah dihadap. Tambahan lagi, ia sudah diselaraskan berdasarkan mazhab utama masyarakat Malaysia sendiri, iaitu mazhab Imam As-Syafi'i, supaya mudah dirujuk dan mengelakkan sebarang kekeliruan.

Selain itu, karya penulisan ini menepati keperluan semasa masyarakat yang ingin berjinak ke arah pemahaman hidup bersyariat. Membantu pembaca memahami dasar fiqh ibadah terutamanya berkaitan

isu kritikal harian, iaitu dalam soal taharah (bersuci) dan solat. Disampaikan dengan padat dan mudah, mengikut landasan mazhab Imam As-Syafi'i. Buku ini adalah buku kategori 'evergreen' dalam pengajian fikah, dan sering digunakan dalam kuliah-kuliah di seluruh dunia. Ditambah dengan penerangan daripada pihak Mufti, dan teks dwi-warna, menjadikannya lebih cantik, menarik, dan tertarik.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)